



KONSORTIUM KOPERASI KARIAH MASJID MALAYSIA BERHAD

No. Daftar: W-6-1132

Ruj. KKKMMB: KONSORMAS Jld 4 (33)

Tarikh: 28 Mei 2024

Pengerusi
Koperasi Kariah Masjid
(Seperti di Lampiran)

Tuan,

PENGESAHAN PENERIMAAN SIMPANAN KHAS BAGI PROJEK DOBI MASJID KOPERASI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat daripada Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah bil. AKKM: 6/4/1 (0445) Jld 14 bertarikh 21 Mei 2024.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad (KONSORMAS) telah menerima sumbangan dana dari Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Zakat, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA sebanyak RM 280,000.00 bagi menjalankan projek dobi masjid koperasi di Masjid Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor. Sebanyak 24 Koperasi telah dipilih untuk menyertai dalam projek ini yang mana setiap koperasi diperuntukkan sejumlah RM 11,500.00 sebagai modal syer dan fi masuk koperasi, manakala RM 15,500.00 untuk 31 orang asnaf bagi koperasi operator.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KONSORMAS telah menyediakan **Aturan Simpanan Khas Projek Dobi Masjid** yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan KONSORMAS tahun 2021 yang lengkap dengan terma dan syaratnya. Bersama-sama surat ini disertakan Aturan Simpanan Khas tersebut untuk rujukan pihak koperasi. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Hj. Hasnan Hj. Mustapha di talian 019-3342445**.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

HJ. AZMI ISMAIL

Anggota Lembaga merangkap

Pengerusi Biro Peruncitan dan Pemborongan KONSORMAS

s.k Pengurus Besar
Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah
ANGKASA

Lampiran

SENARAI KOPERASI KARIAH MASJID BAGI PROJEK DOBI MASJID DI MASJID SAUJANA UTAMA SUNGAI BULOH

BIL	NAMA KOPERASI	NEGERI
1	KOPERASI KARIAH MASJID SAUJANA UTAMA SUNGAI BULOH BERHAD	SELANGOR
2	KOPERASI KARIAH MASJID AL FALAH ULU YAM BHARU SELANGOR BBERHAD	SELANGOR
3	KOPERASI KARIAH MASJID JAMEK SULTAN IBRAHIM KUALA SELANGOR BERHAD	SELANGOR
4	KOPERASI KARIAH ASSAHABAH SELANGOR BERHAD	SELANGOR
5	KOPERASI KARIAH MASJID NURUL IMAN KAMPUNG IJOK SELANGOR BERHAD	SELANGOR
6	KOPERASI KARIAH MASJID ASSYAKIRIN KG JENDERAM HILIR DENGKIL BERHAD	SELANGOR
7	KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG RAJA UDA PELABUHAN KLANG BERHAD	SELANGOR
8	KOPERASI MASJID JAMEK SULTAN ABDUL SAMAD KUALA LUMPUR BERHAD	WILAYAH PERSEKUTUAN
9	KOPERASI KARIAH MASJID AR RAHIMAH KAMPUNG PANDAN KUALA LUMPUR BERHAD	WILAYAH PERSEKUTUAN
10	KOPERASI SURAU SILATURRAHIM PPR SERI ALAM BERHAD	WILAYAH PERSEKUTUAN
11	KOPERASI KARIAH MASJID JAMEK BERSERAH KUANTAN BERHAD	PAHANG
12	KOPERASI KARIAH MASJID AT TAQWA FELDA KG. SERTIK BERHAD	PAHANG
13	KOPERASI MASJID SULTAN MAHMUD KUALA LIPIS BERHAD	PAHANG
14	KOPERASI KARIAH MASJID IBNU ABBAS BESUT BERHAD	TERENGGANU
15	KOPERASI KARIAH MASJID PADANG NENAS KUALA TERENGGANU BERHAD	TERENGGANU
16	KOPERASI KARIAH MASJID NURUL SAADAH SUNGAI RANGGAM PERAK TENGAH BERHAD	PERAK
17	KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG EXPO KAMUNTING BERHAD	PERAK
18	KOPERASI KARIAH MASJID AT TAQWA PADANG TEMBAK BERHAD	PERAK
19	KOPERASI KARIAH MASJID JAMEK KAMPONG BOYAN TAIPING BERHAD	PERAK
20	KOPERASI KARIAH MASJID KG BARU SIRUSA PORT DICKSON BERHAD	NEGERI SEMBILAN
21	KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG PAUH TERACHI KUALA PILAH BERHAD	NEGERI SEMBILAN
22	KOPERASI SURAU TAMAN DESA PERMAI REPAH TAMPIN BERHAD	NEGERI SEMBILAN
23	KOPERASI KARIAH MASJID ALMUHSININ MELEKEK LUAR ALOR GAJAH MELAKA BERHAD	MELAKA
24	KOPERASI QARIAH MASJID JAMEK TASEK GELUGOR BERHAD	PULAU PINANG

**ATURAN-ATURAN
BAGI MENJALANKAN AKTIVITI
TABUNG SIMPANAN KHAS**

ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI TABUNG SIMPANAN KHAS KONSORTIUM KOPERASI KARIAH MASJID MALAYSIA BERHAD

1. TAJUK

- 1.1 Aturan-Aturan ini dinamakan "Aturan-Aturan bagi menjalankan Aktiviti Tabung Simpanan Khas Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad"
- 1.2 Aturan-Aturan ini diwujudkan di bawah fasa (4) Undang-undang kecil 9 dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung koperasi.

2. TUJUAN

Tujuan Aturan-Aturan diwujudkan ialah untuk:-

- 2.1 Mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan wang melalui aktiviti ini.
- 2.2 Menjalankan aktiviti ini dengan sempurna.
- 2.3 Mengawal akan perjalanan aktiviti ini.
- 2.4 Mendapatkan kumpulan modal untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Koperasi ini selaras dengan fasa (4) Undang-undang kecil 9.

3. TAFSIRAN

- 3.1 "Akta" maknanya Akta Koperasi dan termasuk sebarang pindaan yang diperbuat kepadanya dari masa ke semasa
- 3.2 "Anggota" ertinya koperasi yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 10;
- 3.3 "Aktiviti ini" maknanya segala urusan yang dijalankan dibawah Aturan-Aturan ini.
- 3.4 "Aturan-Aturan" maknanya Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Simpanan Khas Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad ini dan "Aturan" hendaklah diberi maknanya sebahagai suatu peruntukan dalam Aturan-Aturan.
- 3.5 "Juruaudit Luar" maknanya Juruaudit yang dilantik menjalankan audit keatas akaun Koperasi ini di bawah undang-undang kecil 71;

- 3.6 "Koperasi ini" maknanya Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad.
- 3.7 "Laporan tahunan Lembaga" Maksudnya Laporan Lembaga yang disebut dalam undang-undang kecil 33 (1)(b);
- 3.8 "Lembaga" Maknanya Lembaga Koperasi ini yang dibentuk menurut Undang-Undang kecil 35.
- 3.9 "Peraturan-Peraturan" maknanya "Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang diperbuat dibawah Akta dan termasuk sebarang pindaan yang diperbuat dibawah Akta dan termasuk sebarang pindaan yang diperbuat kepadanya dari masa ke semasa.
- 3.10 "Penyimpan" maknanya anggota yang menyertai aktiviti ini;
- 3.10 "Coop Laundry" maknanya aktiviti perniagaan dobi layan diri yang dimiliki oleh oleh Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad;
- 3.11 "Tabung Simpanan Khas" maknanya wang yang telah didepositkan oleh anggota dengan koperasi ini dengan niat nyatanya untuk menggunakan wang yang didepositkan itu untuk maksud yang nyata;
- 3.13 "Undang-undang Kecil" maknanya Undang-undang Kecil Koperasi dan termasuk sebarang pindaan berdaftar kepadanya.

4. MAKSUD-MAKSUD TABUNG SIMPANAN KHAS

Sesebuah Koperasi penyimpan membuat simpanan untuk maksud-maksud berikut;

- 4.1 Menjalankan aktiviti perniagaan Coop Laundry yang dimiliki oleh Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad
- 4.2 Membiayai modal permulaan bagi aktiviti Coop Laundry
- 4.3 Memperolehi laba atau keuntungan dari aktiviti Coop Laundry
- 4.4 Maksud-maksud lain yang dipersetujui oleh Lembaga

5. PENGURUSAN

Tertakluk kepada undang-undang kecil dan Aturan-Aturan ini, pengurusan aktiviti ini adalah tesaerah kepada Lembaga.

6. PERJALANAN AKTIVITI INI

- 6.1 Satu akaun **berasingan** akan dibuka di atas nama setiap penyimpan
- 6.2 Penyimpan hendaklah membuat simpanan setelah menerima notis yang dikeluarkan oleh pihak konsortium
- 6.3 Jumlah maksima simpanan khas yang boleh dibuat ialah RM 11,500.00 dan koperasi operator RM 15,500.00.
- 6.4 Penyimpan boleh mengeluarkan wang dari akaun simpanan khasnya selepas tempoh matang iaitu 5 tahun dengan memberi notis selama dua puluh empat jam dalam borang tertentu yang disediakan oleh koperasi
- 6.5 Koperasi akan membayar pulangan ke atas simpanan khas sebanyak 10% jika ada berdasarkan kopentensi aktiviti Coop Laundry pada setiap tahun sehingga dana Tabung Simpanan Khas itu dikeluarkan oleh penyimpan.
- 6.6 Penyata akaun simpanannya akan dihantar kepada setiap penyimpan sekali setahun.
- 6.7 Setiap pengeluaran dana hanya bagi tujuan projek dan setelah mendapat kelulusan dari lembaga koperasi.
- 6.8 Satu tabung akan diwujudkan iaitu sebanyak 10% dari keuntungan projek bagi tujuan kawalan risiko penyimpan dan dana tabung akan di masukkan ke dalam simpanan tetap.

7. AUDIT

Pengauditan akaun aktiviti ini dalah sebahagian dari tugas-tugas Juruaudit Luar Koperasi ini.

8. LAPORAN

Laporan mengenai aktiviti ini hendaklah dimasukkan dalam Laporan Tahunan Lembaga.

9. PINDAAN

Mesyuarat agung boleh dari masa ke semasa, atas perakuan Lembaga dimasukkan dalam agendanya untuk meminda Aturan-aturan ini.